

**Biografi Rosmah Mansor Wadah Betul Tangkis Tohmahan, Kata Dr M Bernama
11 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Buku biografi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang bakal berada di pasaran dalam waktu terdekat, merupakan wadah yang betul untuk beliau menangkis tohmahan yang dilemparkan kepadanya, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Rosmah berhak untuk membuat pembedaan terhadap semua isu-isu negatif mengenai dirinya yang dilemparkan oleh pelbagai pihak tidak bertanggungjawab.

"Beliau (Rosmah) bukannya berprofil tinggi. Hanya orang-orang tertentu menjadikan beliau seorang individu berprofil tinggi dengan melemparkan pelbagai tuduhan dan beliau berhak untuk menjawab.

"Walaupun beliau adalah isteri perdana menteri, ini tidak bermakna yang beliau perlu berdiam diri terhadap pelbagai tuduhan," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Pemerolehan Teknologi dan Aset bernilai RM63 juta antara Proton Holdings Bhd dan Petronas Bhd, di sini hari ini.

Pada Isnin, majlis prapelancaran biografi itu disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang diiringi Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Buku setebal 164 muka surat itu dan berharga RM150 senaskah ditulis oleh Siti Rohayah Attan dan Noraini Abdul Razak. Ia akan dilancarkan dan diedar untuk jualan bulan depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=715541>